



“PERUBAHAN PERMULAAN WAKTU SUBUH”

Cadangan Tarikh Bacaan :

7 Februari 2020/13 Jamadilakhir 1441H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

... إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

(النساء آيات: 103)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ

أَوْصِيَكُمْ وَإِنِّي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدَ فَازَ الْمُتَّقُونَ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ

فَإِن نَنزَعْنَهُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾ (النساء: 59)



Bermaksud : “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara maka, hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (As-Sunnah) RasulNya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.”

Sidang jamaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di Akhirat. Khutbah pada kali ini akan memperkatakan berkenaan perubahan permulaan waktu Subuh di Pulau Pinang.

Solat fardhu diwajibkan ke atas orang Islam yang baligh dan berakal sebanyak 5 kali sehari pada waktu-waktu tertentu. Solat fardhu yang wajib didirikan ialah solat lima waktu sehari semalam iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib, dan Isyak. Setiap muslim wajib menunaikan solat mengikut waktu yang telah ditetapkan tanpa melengahkan kerana solat mempunyai sempadan waktu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Firman Allah yang dibacakan diawal khutbah tadi dalam surah An-Nisa' ayat 103 yang bermaksud ;

“Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.”



Ibn Mas'ud RA dalam menafsirkan ayat ini berkata bahawa setiap solat itu mempunyai waktu-waktunya yang tertentu yang wajib untuk dilaksanakan padanya sama seperti waktu-waktu yang ditentukan bagi pelaksanaan ibadat haji. Mengetahui masuknya waktu solat merupakan salah satu daripada syarat sah solat. Para ulama' fiqh telah bersepakat menyatakan setiap solat fardhu mempunyai waktu-waktunya yang ditetapkan dan solat mesti dilakukan dalam waktu-waktu itu. Namun begitu, bersolat dalam waktunya sahaja belum memadai, malah orang yang bersolat mesti mengetahui waktunya sebelum melakukan solat tersebut. Oleh itu, tidak sah solat seseorang yang tidak mengetahui masuk waktu walaupun solat yang dilakukannya itu memang tepat pada waktu yang disyariatkan.

Ma'asyaral muslimin rohimakumullah,

Permulaan waktu Subuh ialah ketika terbit Fajar Sadiq dan berterusan hingga matahari terbit. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawasanya Rasulullah SAW bersabda ;

وَقْتُ صَلَاةِ الصُّبْحِ مِنْ طُلُوعِ الْفَجْرِ مَا لَمْ تَطْلُعِ الشَّمْسُ

Bermaksud ; "Waktu solat Subuh adalah dari terbit fajar selama matahari belum terbit" (Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya fajar itu ialah keluarnya belahan cahaya putih dari timur, ia dinamakan sedemikian kerana sifatnya yang memancar. Ia terdiri dari 2



jenis iaitu **Fajar Kazib** dan **Fajar Sadiq**. Fajar Kazib adalah bayangan cahaya yang muncul di ufuk timur, memancar dari bawah mengarah ke atas di tengah-tengah langit. Manakala Fajar Sadiq ialah fajar yang muncul sesudah Fajar Kazib. Cahayanya putih dan menyerlah serta kelihatan mendatar mengikut garis lintang ufuk timur dan perlahan-lahan menyebarkan ke langit. Ulama' bersepakat bahawa fajar inilah (Fajar Sadiq) yang terpakai dalam penetapan hukum syarak bagi permulaan masuknya waktu Subuh.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 187 ;

﴿ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ
مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۚ ثُمَّ أَتَمُوا الصِّيَامَ
إِلَى الْيَلِّ ۚ ﴾

Maksudnya ; "Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar".

Sidang jemaah yang dihormati Allah sekalian,

Waktu solat subuh di negeri tanah melayu yang diamalkan sejak sebelum merdeka dihitung berdasarkan sudut tunduk atau nilai altitud matahari pada



kedudukan **20 darjah** di bawah ufuk. Jadual waktu solat subuh ini dihitung oleh ahli-ahli falak tanah melayu seperti **Sheikh Tahir Jalaluddin** di dalam kitabnya, **Pati Kiraan** yang diterbitkan pada tahun 1938. Namun demikian, mutakhir ini selepas kajian penyelidikan secara mendalam dan menyeluruh dengan menggunakan pelbagai kaedah oleh pakar-pakar falak di Malaysia didapati hitungan sudut tunduk atau nilai altitud matahari pada **18 darjah** di bawah ufuk adalah lebih tepat dalam penentuan permulaan waktu solat subuh di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2020 yang bersidang pada 5-6 Februari 2020 bersamaan 11-12 Jamadilakhir 1441H telah memperakukan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-116 yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja mengenai penetapan permulaan waktu Subuh di Malaysia adalah menggunakan nilai altitud matahari **18 darjah** di bawah ufuk.

Perubahan ini menyebabkan waktu solat Subuh sedia ada perlu ditambah secara purata **8 minit**. Bagi seluruh negeri Pulau Pinang, pelaksanaan ketetapan baru ini berkuat kuasa mulai **esok, 8 Februari 2020 bersamaan 14 Jamadilakhir 1441H (Sabtu)**.

Sidang jamaah yang dihormati Allah sekalian,

Perubahan dan ketetapan ini khusus melibatkan waktu permulaan solat Subuh sahaja. Tidak melibatkan perubahan pada waktu solat yang lain termasuklah waktu **Syuruk (Terbit Matahari)** iaitu waktu berakhirnya solat



Subuh kekal sebagaimana yang tercatat pada **Takwim Hijri 1441 dan Jadual Waktu Solat Pulau Pinang** yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Ini adalah kerana kedudukan dan pergerakan bumi mengelilingi matahari adalah tidak berubah, hanya ketetapan hitungan sudut tunduk atau nilai altitud matahari di bawah ufuk bagi penentuan waktu terbit Fajar Sadiq dinilai dan ditetapkan semula.

Pelaksanaan solat Subuh sebelum ini yang menggunakan altitud matahari pada 20 darjah di bawah ufuk tetap dihukumkan **sah** dan **tidak perlu diqadha atau diganti** setakat sebelum tarikh ketetapan baru ini dikuatkuasakan. Ini adalah kerana walaupun had waktu solat sabit secara Qat'ie, namun penentuannya adalah Zonni yang tertakluk kepada ijtihadiah berdasarkan penyelidikan-penyelidikan dan bergantung pada apa yang telah diputus dan dipersetujui oleh Ulama' dan Ulil Amri sebagai pemerintah. Perkara ini bertetapan dengan kaedah fiqh iaitu :

الإِجْتِهَادُ لَا يُنْقَضُ بِمِثْلِهِ أَوْ بِالِإِجْتِهَادِ

Bermaksud : "Ijtihad tidak boleh dibatalkan dengan seumpamanya atau dengan ijtihad."

Sidang jamaah yang dirahmati Allah sekalian,

Justeru mengakhiri khutbah pada kali ini, mimbar ingin menyeru para jamaah sekalian agar dapat mengambil maklum tentang perubahan waktu permulaan solat Subuh ini dan dapat maklumkan kepada kaum keluarga

kita agar dapat melaksanakan solat mengikut waktunya. Ini adalah kerana sebarang kecuaiian akan memberikan kesan buruk kepada catatan amalan kita. Semoga ibadah solat yang kita lakukan ini diterima Allah SWT. **Jadual Waktu Solat Subuh** terkini boleh dirujuk dan dimuat turun di Laman Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang atau Portal e-Solat JAKIM mulai hari ini.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Israk ayat 78 :

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْآنَ الْفَجْرِ إِنَّ
قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾

Bermaksud : “Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam dan (dirikanlah) sembahyang subuh sesungguhnya sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .